

14/10/1997

Dr Mahathir sampaikan ucaptama sempena CHOGM di Scotland

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucaptama pada satu sesi khas bertajuk 'Pembangunan Perdagangan dan Pelaburan: Jalan Menuju Kemakmuran Komanwel' di Edinburgh, Scotland pada 24 Oktober ini.

Sesi itu diadakan sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di bandar raya itu dari 24 hingga 27 Oktober ini.

Perdana Menteri adalah seorang daripada dua pemimpin negara Komanwel yang akan berucap pada sesi tema khas itu.

Pada sesi itu juga, pemimpin negara Komanwel boleh mengemukakan pelbagai isu yang ingin dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan.

Komanwel yang pada awalnya diwujudkan merangkumi negara bekas jajahan Britain kini berjumlah 54 anggota. Bagaimanapun, kini ada negara yang tidak pernah dijajah Britain seperti Mozambique, menganggotai pertubuhan itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, berkata Perdana Menteri akan mengetuai delegasi 22 orang kakitangan kerajaan.

Turut serta ialah Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, wakil Malaysia pada Mesyuarat Kumpulan Tindakan Menteri Komanwel (CMAG), Tan Sri Musa Hitam dan Pengerusi Eksekutif Sukom '98 Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Sebelum tiba di Edinburgh, pada 21 Oktober ini, Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan bertajuk 'Menterjemahkan Wawasan Kepada Realiti: Pengalaman Malaysia' kepada sekumpulan usahawan di London.

(END)